uum/AA49/um/25.09.2005/p: 21 (3)

Rosli juara Karnival Kaki Pancing *Utusan Malaysia*-UUM

um 25/9/05 21:3

SINTOK 24 Sept. – Seorang anggota tentera, Koperal Rosli Mat Isa, 37, membawa pulang RM3,000 setelah muncul juara Karnival Kaki Pancing *Utusan Malaysia* - Universiti Utara Malaysia (UUM) di Tasik Rekreasi UUM di sini hari ini.

Rosli, dari 4 Renjer, Kem Oran, Perlis berjaya menaikkan ikan keli Afrika seberat 1.830 kilogram pada pukul 9.19 pagi.

Pertandingan memancing itu yang disertai oleh lebih 600 pemancing dianjurkan oleh Kesatuan Kakitangan (Keska) UUM sempena Ekspo Konvokesyen ke-18 universiti itu.

Tempat kedua dimenangi oleh pembantu tadbir Jabatan Canselori UUM, Tengku Ahmad Muhazzib Tengku Abdul Hadi, 25, yang berjaya menaikkan ikan keli yang sama seberat 1.810 kilogram pada pukul 11.10 pagi.

ROSLI Mat Isa (kanan), Tengku Ahmad Muhazib Tengku Abdul Hadi (tengah) dan Mohd Bakri Ahmad di Karnival Kaki Pancing *Utusan Malaysia*-UUM di Sintok, semalam.

Beliau menerima hadiah RM2,000 selain hadiah sampingan sumbangan para penaja.

Sementara tempat ketiga dimenangi oleh seorang petani Mohd Bakri Ahmad, 40, dari Kampung Fida 4, Tok Kepak, Kodiang yang menaikkan ikan keli seberat 1.770 kilogram dan menerima hadiah RM1,000.

Pemenang tempat keempat hingga ke 13 juga menerima hadiah hamper dan wang tunai RM200.

Sementara itu, seorang peniaga dari Jejawi, Perlis Shahidan Ali berjaya membawa pulang hadiah barangan tajaan Syarikat Jalen bernilai RM600 setelah berjaya meneka hampir tepat berat majalah-majalah keluaran Kumpulan Utusan.

Hadiah disampaikan oleh Yang Dipertua Keska Ku Azmi Ku Ibrahim sementara acara perlepasan disempurnakan oleh Pengarah Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Mohd Zaini Nasri.

Dalam pertandingan mewarna yang diadakan sempena karnival tersebut, Khoo Yen Yi, Khoo Yen Zou dan Ooi Pei Jun masing-masing memenangi tempat pertama dan menerima hadiah wang tunai RM100, RM70 dan RM50.